

**NOTA Y.B. DATO' SERI ANWAR IBRAHIM  
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013  
DI PERINGKAT JAWATANKUASA  
BERKAITAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA**

**Daftar Pemilih yang Meragukan**

Jawatankuasa Pilihan Parlimen (PSC) untuk Penambahbaikian Pilihan Raya telah dibekalkan maklumat data pemilih oleh SPR yang dikeluarkan pada 25 Mac 2012. Pengauditan komputer telah dijalankan ke atas data yang dibekalkan.

Hasil pengauditan tersebut mendapati tiga kepincangan besar yang membabitkan:

- (1) Keraguan terhadap kelayakan permohonan pemilih
- (2) Alamat pemilih yang tidak lengkap
- (3) Rombakan dan penggabungan lokaliti yang menimbulkan kekeliruan

## **Profil Daftar Pemilih sehingga Suku-4 2011 yang dibekalkan kepada Anggota PSC Penambahbaikan Proses Pilihan Raya**

Tarikh Diterbitkan	25 Mac 2012
Jumlah Data	12,477,502 nama
Jumlah Data diaudit	11,584,956 pemilih

### **Pecahan Data mengikut Negeri**

Negeri	Daftar PSC	Statistik ST4/2011
Johor	1525444	1525444
Kedah	994352	994352
Kelantan	872614	872614
Melaka	423070	423070
Negeri Sembilan	525986	525986
Pahang	705446	705446
Perak	1361001	1361001
Perlis	131725	131725
Pulau Pinang	811750	811750
Sabah	904506	904506
Sarawak	14928	1024240
Selangor	1906008	1906008
Terengganu	611583	611583
W.P Kuala Lumpur	760578	760578
W.P Labuan	23786	23786
W.P Putrajaya	13179	13179
<b>Jum Keseluruhan Pemilih</b>	<b>11585956</b>	<b>12595268</b>

**Nota:** Sejumlah **1,009,312 (98.5%)** data pemilih Negeri Sarawak **GAGAL** dibekalkan oleh SPR kerana Fail yang diperoleh bagi Negeri Sarawak mengandungi **906, 474** data dengan hanya **14,928** pemilih Negeri Sarawak( iaitu **1.5%** daripada jumlah pemilih negeri Sarawak). Bakinya berjumlah **891,548** pemilih adalah pemilih Negeri Sabah yang bertindih dalam Fail bagi Negeri Sabah dan terpaksa dikecualikan dalam proses audit.

## A. Audit terhadap Kelayakan Pemilih

- Kelayakan pemilih adalah ditentukan menerusi **Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan** (seperti dilampirkan).
- Dalam Daftar Pemilih yang dibekalkan, data yang menjurus kepada kelayakan pemilih adalah **tarikh permohonannya (tarikh pohon)** yang dapat diuji dengan tarikh lahir iaitu sama ada pemilih tersebut telah **mencapai umur 21 tahun** pada tarikh pohon.
- Audit mendapati sejumlah **282, 086** nama pemilih yang tarikh pohnnya janggal.
- Kes-kes kejanggalan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Tarikh Pohon	Jumlah
Tiada Tarikh Pohon	<b>4,799</b>
Sebelum Tarikh Lahir	<b>367</b>
Pada Hari Lahir	<b>282</b>
Sebelum Umur Persekolahan	<b>246</b>
Umur Persekolahan Rendah	<b>412</b>
Umur Persekolahan Menengah	<b>1,049</b>
Antara 17 – 20 Tahun	<b>12,810</b>
Antara 20 – 20 ½ Tahun	<b>75,571</b>
Antara 20 ½ - 21	<b>186,550</b>
<b>Jumlah Kejanggalan Tarikh Pohon</b>	<b>282,086</b>

- SPR jelas bersikap berwenang terhadap **Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan** berkenaan Kelayakan Pemilih

## **Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan**

### **Kelayakan pemilih**

- 119.** (1) Tiap-tiap warganegara yang –
- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan;
  - (b) bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau, jika tidak bermastautin sedemikian, ialah seorang pengundi tidak hadir; dan
  - (c) didaftarkan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan,

berhak mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah Fasal (3) atau di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pilihan raya; tetapi tiada seorang pun boleh mengundi dalam pilihan raya yang sama di dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya.

(2) Jika seseorang berada di dalam sesuatu bahagian pilihan raya semata-mata oleh sebab dia ialah seorang pesakit di suatu institusi yang disenggarakan keseluruhannya atau terutamanya untuk menerima dan merawat orang yang mengidap penyakit mental atau kecacatan mental atau semata-mata oleh sebab dia ditahan dalam jagaan, maka dia hendaklah bagi maksud Fasal (1) disifatkan tidak bermastautin di dalam bahagian pilihan raya itu.

(3) Seseorang hilang kelayakan untuk menjadi pemilih dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan jika—

- (a) pada tarikh kelayakan dia ditahan sebagai orang yang tidak sempurna akal atau sedang menjalani hukuman pemenjaraan; atau
- (b) sebelum tarikh kelayakan dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di dalam mana-mana bahagian Komanwel dan dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh melebihi dua belas bulan dan pada tarikh kelayakan itu dia masih kena menjalani apa-apa hukuman bagi kesalahan itu.

(4) Dalam perkara ini—

- (a) “pengundi tidak hadir” ertinya, berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya, mana-mana warganegara yang berdaftar sebagai pengundi tidak hadir berkenaan dengan bahagian pilihan raya itu;
- (b) “tarikh kelayakan” ertinya tarikh seseorang memohon supaya didaftarkan sebagai pemilih dalam sesuatu bahagian pilihan raya, atau tarikh dia memohon untuk menukar pendaftarannya sebagai pemilih dalam suatu bahagian pilihan raya yang lain, mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya.

## Contoh-contoh Kes Kejanggalan Tarikh Pohon

<b>I. Contoh Tarikh Pohon Sebelum Lahir</b>	
Nama	H'NG SAU CHING
No Kad Pengenalan	790823085885
Parlimen	PARIT BUNTAR
Tarikh Lahir	<b>1979-08-23</b>
Tarikh Pohon	<b>1950-01-15</b>

<b>II. Contoh Tarikh Pohon Pada Hari Lahir</b>	
Nama	NUR KHALIDA SALMI BINTI MOHD NAWAR
No Kad Pengenalan	821026105010
Parlimen	SERDANG
Tarikh Lahir	<b>1982-10-26</b>
Tarikh Pohon	<b>1982-10-26</b>

<b>III. Contoh Tarikh Pohon Sebelum Umur Persekolahan</b>	
Nama	ZULKARNAIN BIN HARUN
No Kad Pengenalan	790531065559
Parlimen	SETIU
Tarikh Lahir	<b>1979-05-31</b>
Tarikh Pohon	<b>1980-05-29 (11 bulan 29 hari)</b>

<b>IV. Contoh Tarikh Pohon Pada Umur Persekolahan Rendah</b>	
Nama	MOHAMMAD NAGUIB BIN KHALID
No Kad Pengenalan	790818085733
Parlimen	TEMERLOH
Tarikh Lahir	<b>1979-08-18</b>
Tarikh Pohon	<b>1991-05-16 (11 tahun 9 bulan 29 hari)</b>

<b>V. Contoh Tarikh Pohon Pada Umur Persekolahan Menengah</b>	
Nama	ROSYATI BINTI AHMAD
No Kad Pengenalan	780219125626
Parlimen	KINABATANGAN
Tarikh Lahir	<b>1978-02-19</b>
Tarikh Pohon	<b>1992-11-27 (14 tahun 9 bulan 8 hari)</b>

**VI. Contoh Tarikh Pohon Antara Umur 17 – 20 Tahun**

Nama	GOH HONG KEE
No Kad Pengenalan	860128075272
Parlimen	BAYAN BARU
Tarikh Lahir	<b>1986-01-28</b>
Tarikh Pohon	<b>2006-01-14 (19 tahun 11 bulan 17 hari)</b>

**VII. Contoh Tarikh Pohon Antara Umur 20 – 20 ½ Tahun**

Nama	MOHD SUKIMAN BIN YUSOFF
No Kad Pengenalan	891201115341
Parlimen	HULU TERENGGANU
Tarikh Lahir	<b>1989-12-01</b>
Tarikh Pohon	<b>2010-03-07 (20 tahun 4 bulan 6 hari)</b>

**VIII. Contoh Tarikh Pohon Antara 20 ½ Tahun – 21 Tahun**

Nama	RATHINAKUMAR A/L GENGATHARAN
No Kad Pengenalan	891028105237
Parlimen	KUALA SELANGOR
Tarikh Lahir	<b>1989-10-28</b>
Tarikh Pohon	<b>2010-08-08 (20 tahun 10 bulan 10 hari)</b>

## B. Audit Terhadap No Rumah dan Alamat Pemilih

- Ujian terhadap maklumat no rumah dan alamat penuh iaitu sama ada terdapat maklumat tersebut dicatatkan dalam daftar pemilih ataupun tidak.
- Menurut SPR, pendaftaran sebelum 16 Julai 2002, alamat penuh tidak dicatat, maklumat cuma memadai untuk tujuan penetapan lokaliti.
- Walau bagaimanapun, apabila SPR menjalankan rombakan dan penggabungan lokaliti secara besar-besaran, jejak alamat pengundi hilang dalam daftar pemilih hingga menyukarkan penjejaka. Secara sengaja ataupun tidak SPR telah mengelapkan maklumat alamat pada Daftar Pemilih.

### Pecahan Data Audit No Rumah dan Alamat Penuh Pemilih

No Rumah	Alamat Penuh	Catatan
<b>Ada</b> (7,928,643 pemilih)	<b>Ada</b> (4,703,965 pemilih)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memuaskan</li> <li>Membolehkan penjejakan pemilih oleh parti dan calon</li> </ul>
	<b>Tiada</b> (3,224,678 pemilih)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jejak alamat hilang apabila lokaliti dirombak dan digabung.</li> <li>Perlu dikemaskini dengan alamat JPN</li> </ul>
<b>Tiada</b> (3,657,313 pemilih)	<b>Ada</b> (1,645,372 pemilih)	<ul style="list-style-type: none"> <li>SPR perlu kemaskini rekod jika ada kelalaian merekod no rumah</li> </ul>
	<b>Tiada</b> (2,011,941 pemilih)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilih sukar dijejak.</li> <li>Perlu dikemaskini dengan alamat JPN</li> </ul>

### Contoh 1 - Contoh Kehilangan Jejak Alamat Pemilih sehingga menimbulkan tuduhan pengundi hantu

	Daftar Pemilih 2008	Daftar Pemilih PSC
Nama	ABD KHALID BIN IBRAHIM	
No Kad Pengenalan	461214105273	
No Rumah	17	
Alamat Penuh	(Tiada)	
Lokaliti	JLN 16/2	RUMAH KAKITANGAN UNIVERSITI
Daerah Mengundi	SEKSYEN 16	KAWASAN UNIVERSITI

Nota: Tan Sri Khalid telah berpindah ke Kuala Selangor dalam Suku-1 2012.

**Contoh 2 - Contoh Kehilangan Jejak Alamat Pemilih sehingga menimbulkan kepayahan mencari alamat kediaman pemilih**

	<b>Daftar Pemilih 2008</b>	<b>Daftar Pemilih PSC</b>
Nama	MOHD NAWI BIN DAUD	
No Kad Pengenalan	500508035345	
Alamat Penuh	(Tiada)	
No Rumah	<b>28</b>	
Lokaliti	<b>JLN 6/5B</b>	<b>SEK 6</b>
Daerah Mengundi	<b>SEKSYEN 16</b>	<b>SHAH ALAM S 6</b>

**Contoh 3 – Contoh kelalaian SPR merekod no rumah daripada maklumat alamat penuh pemilih**

<b>Contoh No Rumah Lalai Direkod</b>	
Nama	AZIZURAHIM BIN SAKIMON
No Kad Pengenalan	760224105357
Parlimen	SHAH ALAM
DUN	KOTA ANGGERIK
Daerah Mengundi	SHAH ALAM S 18 TIMUR
Lokaliti	JLN 18/35 - 48...
No Rumah	-
Alamat1	<b>NO 6</b>
Alamat2	<b>JALAN DANGSA 18/39</b>
Alamat3	<b>SEKSYEN 18</b>
Poskod	<b>40200</b>
Bandar	<b>SHAH ALAM</b>
Tarikh Pohon	2011-06-27
Catatan	Sepatutnya kerani SPR mencatatkan "NO 6" di ruangan No Rumah tetapi sebaliknya hanya "dash" (-)

**Contoh 4 – Contoh alamat yang langsung tiada maklumat alamat dan no rumah dan alami kesukaran dijejaki setelah rombakan dan penggabungan lokaliti**

<b>Contoh Rekod Tiada No Rumah dan Alamat Penuh</b>	
Nama	ARDAE @ ATHY A/L SIMMASALAM
No Kad Pengenalan	490507085141
Parlimen	SHAH ALAM
DUN	BATU TIGA
Daerah Mengundi	RIMBA JAYA
Lokaliti	JLN LENGUAS 16 / 18 - 24 ( KG / JLN RIMBA JAYA / MUHIBBAH / KARUPIAH )
No Rumah	
Alamat1	
Alamat2	
Alamat3	
Poskod	
Bandar	
Tarikh Pohon	1993-09-29
Catatan	Usaha untuk menjelajah pemilih amat sukar

**C. Rombakan dan Penggabungan Lokaliti yang menimbulkan kekeliruan**

- Penurunan ketara jumlah lokaliti:

<b>DPI</b>	<b>Jumlah Lokaliti</b>
DPI Induk 2007	94,801
DPI Semasa (2012)	79,044
<b>Penurunan</b>	<b>15,757</b>

- Penurunan ini adalah semata-mata angka, jika penamaan dan maksud nama lokaliti tidak diteliti.
- Jika diteliti, rombakan dan penamaan lokaliti baru ini amat mengelirukan dan bercelaru.

**Contoh 1 – Nama lokaliti baru hasil rombakan yang mengelirukan**

Kod Lokaliti	Nama Lokaliti	Jumlah Pemilih
1084016001 <i>(Shah Alam)</i>	TMN BERKELEY ( JLN / LRG / LBH LTG / SLK / PSN UNTA / RAJAWALI / LANG / ANGSA / KENARI / BANGAU / KASAWARI / UNDAN PUTIH )	3760
1084101002 <i>(Shah Alam)</i>	TMN BATU TIGA ( JLN / LRG BERLIAN / INTAN / ZAMRUD / PERMATA ) TMN MUTIARA SUBANG / TMN NILAM	889
1032921007 <i>(Puchong)</i>	APT (SRI PINANG, PERMATA SARI, SRI JATI, SRI CAMELIA, CASA PUTERI, SRI DAHLIA & SEMARAK)	596
1002113001 <i>(Pandan)</i>	JLN PANDAN 3/8 - 3/10/P'PURI/FLAT PANDAN JAYA	2554
1022614001 <i>(Pandan)</i>	SEK 5 BBB/TMN LANGAT JAYA/JLN/LRG 5 - 5/16D	1956
1084012001 <i>(Shah Alam)</i>	SEK 11	2371
1084021002 <i>(Shah Alam)</i>	JLN 18/2 - 15...	2273